

10 MAR 2001

Silat-demonstrasi

PERTUBUHAN SILAT TURUT BANTAH DEMONSTRASI JALANAN

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Sebanyak 21 buah pertubuhan persilatan dan seni mempertahankan diri hari ini menyuarakan bantahan terhadap demonstrasi jalanan yang dipercayai anjuran parti politik tertentu.

Jurucakapnya Datuk Haji Omardin Mauju berkata semua pihak yang terbabit perlu menghentikan segera demonstrasi jalanan dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan politik mana-mana pihak.

Mahaguru dan guru kanan pertubuhan-pertubuhan persilatan dan seni mempertahankan diri itu mengadakan perjumpaan khas yang julung kali diadakan di sini hari ini.

Omardin berkata mereka yang mengadakan perjumpaan itu telah berjanji dan berikrar untuk memberi sokongan bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara akan terus berkekalan.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan itu, Omardin yang juga mahaguru dan pengasas Pertubuhan Seni Silat Lincak Malaysia, berkata mereka sebelum ini mengambil sikap berdiam diri berhubung demonstrasi jalanan kerana berpendapat ia urusan politik.

"Namun sejak akhir-akhir ini, kami melihat demonstrasi jalanan ini telah mencapai tahap yang boleh mengancam dan menggugat keselamatan dan ketenteraman negara...kami merasakan tahap tersebut telah melangkaui sempadan politik," katanya.

Ketika ditanya samada anggota persatuan-persatuan yang berkumpul itu ada yang turut terbabit dalam demonstrasi jalanan, Omardin berkata pihaknya setakat ini belum menerima sebarang laporan atau aduan berhubung perkara itu.

"Kita sebenarnya turut memantau demonstrasi jalanan dan tangkapan-tangkapan yang dibuat (oleh polis), setakat ini tiada laporan atau aduan menunjukkan ada ahli persatuan silat atau seni mempertahankan diri terbabit," katanya.

Ekoran pertemuan itu, satu memorandum taatsetia akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya sebagai tanda sokongan kepada kerajaan sedia ada yang dipilih rakyat dan juga menyatakan pendirian menentang demonstrasi jalanan.

Persatuan-persatuan yang mengadakan pertemuan itu dikatakan mempunyai keanggotaan berjumlah kira-kira 5.3 juta di seluruh negara.

-- BERNAMA

MS AZZ MOZ